

Perak sasar Kampar, Batu Gajah nikmati liputan 5G

Oleh [Muhammad Zulsyamini Sufian Suri](#) - Februari 4, 2023 @ 7:06pm
bhnews@bh.com.my



Mohd Azlan Helmi (kanan) ketika menghadiri Taklimat 5G dan Lawatan ke Pusat Operasi Bersepadu Ipoh (IIOC) di UTC Ipoh, hari ini. - NSTP/L MANIMARAN

IPOH: Daerah Kampar dan Batu Gajah disasarkan menikmati liputan Internet berkelajuan tinggi 5G selepas bandar raya Ipoh, kata Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak, Mohd Azlan Helmi Helmi.

Katanya, inisiatif bawah 'Greater Ipoh' itu bertujuan memastikan semua daerah di Lembah Kinta akan memperoleh capaian Internet berkelajuan satu gigabit per saat (Gbps).

Bagi mencapai hasrat itu, beliau berkata, sebuah badan penyelaras akan diwujudkan dalam usaha memperluaskan liputan 5G di semua kawasan negeri ini.

Ketika ini, katanya, pelaksanaan 5G di sekitar kawasan Ipoh hanya diuruskan oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

"Kita tidak boleh mengharapkan Datuk Bandar Ipoh saja untuk menyelaras pembangunan rangkaian 5G di 'Greater Ipoh' yang akan turut merangkumi kawasan bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kampar dan Batu Gajah.

"Kerajaan negeri perlu proaktif ke arah langkah penyelarasan itu, termasuk bagi memperluaskan rangkaian ke seluruh negeri kelak yang memerlukan data dikumpul secara lebih tersusun," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Taklimat 5G dan Lawatan ke Pusat Operasi Bersepadu Ipoh (IIOC) di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Ipoh, di sini.

Mohd Azlan berkata, perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat EXCO kerajaan negeri dalam masa terdekat, termasuk fokus menentukan sama ada wujud keperluan untuk menubuhkan Majlis Digital Perak.

Sekiranya penubuhan majlis itu didapati tidak perlu, beliau berkata, perbincangan akan menjurus kepada pemberian kuasa kepada anak syarikat kerajaan negeri, iaitu Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) bagi melaksanakan penyelarasan berkenaan.